

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, July 31, 2019 8:54 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: FInDER Jalin Kolaborasi Dengan 6 Rakan Strategik



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

31 JULAI 2019 / 28 ZULKAEDAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

FInDER JALIN KOLABORASI DENGAN 6 RAKAN STRATEGIK



UUM ONLINE: Majlis menandatangani Surat Pernyataan Hasrat (LoI) berlangsung dalam satu majlis yang diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML), baru-baru ini.

Pada Majlis itu, Dekan STML menyaksikan 6 syarikat luar mengadakan kolaborasi strategik bersama Food Security, Innovation and Development Research Centre (FInDER), STML menandatangani LoI.

Antaranya Jabi Rice Mill Sdn.Bhd, NEO PRAGMATIK SDN BHD, WR Empire Sdn Bhd, Hayat Teras Maju Resources, Nuvenna PLT dan Coconut Island Resources.

Dekan STML, Prof. Madya Dr. Nor Hasni Osman berkata, objektif ini adalah untuk berkongsi kepakaran antara pihak universiti dan industri di samping membuka ruang untuk menjana penyelidikan dan konsultansi antara kedua dua belah pihak yang melibatkan pembangunan industri makanan dan kosmetik di negeri Kedah.

“Saya kagum dengan semangat yang ada pada anda kerana bukan senang untuk menjadi seorang usahawan.

“Kami banyak teori tetapi tuan puan hebat dari sudut praktikal jadi mulakan satu langkah untuk bersama-sama menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bersama dan saling membantu.

“Fokus kita ingin melihat bagaimana pelajar UUM bekerja selepas menamatkan pengajian jadi kita berharap ada satu pembuka jalan untuk mengubah mind set para pelajar supaya keluar dari kelompok makan gaji,” ucapnya.

Jelasnya, STML memiliki tenaga pengajar cemerlang dan dinobatkan pusat pengajian terbaik jadi besarlah harapan saya untuk melebarkan kerjasama ini dalam aspek praktikum dan service learning.

Sementara itu, Pengarah FInDER, Dr. Risyawati Mohamed Ismail berkata, usaha ini menjadi platform dalam merintis kerjasama erat demi kelestarian hubungan antara universiti, industri dan komuniti bagi menggalakkan penajaan kepakaran dalam bidang jaminan makanan secara amnya dan pembangunan industri makanan secara khasnya oleh para penyelidik FInDER.

“Ini merupakan program terbaru FInDER bersama pemegang taruh insustri makanan Kedah yang diharap akan memberi peluang keemasan untuk rakan rakan strategik dan penyelidik FInDER bagi membincangkan projek yang berpotensi dibangunkan bersama,” ujarnya.

FInDER merupakan pusat penyelidikan di bawah STML yang berfokuskan penyelidikan dalam bidang jaminan makanan, inovasi dan pembangunan dan uniknya, FInDER memiliki kedua-dua jenis kepakaran iaitu teknikal dan pengurusan.

“Kita tidak boleh mengatakan kita pakar dalam segala-galanya kerana masing-masing ada kepakaran yang berbeza-beza, UUM ada multi kepakaran, kemudahan makmal dan sokongan R&D untuk pengilang dengan bayaran minimum dan semua ini boleh dimanfaatkan oleh pihak industri.

“Kita berharap dapat belajar banyak perkara dengan rakan strategik kerana masing-masing ada kekuatan pada saya, sangat membanggakan apabila industri makanan Kedah boleh pergi jauh dengan menggunakan kepakaran untuk sama-sama membangun.

“Selain penyelidikan, pemindahan ilmu, teknologi, kita tidak boleh lari daripada komuniti untuk mewujudkan komuniti luar bandar yang mampu menjana pendapatan sebagai jalan keluar daripada kemiskinan,” tambahnya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.